

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL.2/2014**

**PENGURUSAN PERMIT PEMINDAHAN PASIR UNTUK LONGGOKAN
PASIR (STOCKPILE) TRANSIT DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) keputusan Pihak Berkuasa Negeri berhubung pengurusan permit pemindahan pasir untuk longgokan (stockpile) pasir transit di Negeri Selangor untuk tujuan pengalihan / penyerahan semula kepada pihak ketiga selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (**MMKN**) ke 38/2014 pada 1 Oktober 2014 yang telah disahkan oleh **MMKN ke 39/2014** pada 8 Oktober 2014.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Bagi menjamin Kerajaan Negeri mendapat hasil yang berterusan dan pengawalseliaan tanah dan sumber bahan batuan di Negeri Selangor dijalankan dengan baik, pelbagai pendekatan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi

membasmi kegiatan pengeluaran pasir secara tidak sah dan mengimbangi keperluan bahan batuan di Negeri Selangor;

- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 34/2011 yang diadakan pada 19 Oktober 2011 telah menimbang dan meluluskan Pengenaan Fi Tahunan dan Royalti Ke Atas Longgokan (Stockpile) Pasir Transit Di Negeri Selangor untuk tujuan pengalihan / penyerahan kepada pihak ketiga;
- 2.3 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2012 telah dikeluarkan bagi tujuan tersebut yang berkuat kuasa mulai 16 Januari 2012 dan digunakan sehingga kini; dan
- 2.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (**MMKN**) ke **38/2014** pada **1 Oktober 2014** yang telah disahkan oleh **MMKN** ke **39/2014** pada **8 Oktober 2014** telah menimbangkan dan meluluskan cadangan pelaksanaan pengurusan permit pemindahan pasir untuk longgokan (stockpile) pasir transit di Negeri Selangor untuk tujuan pengalihan melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

3. DASAR DAN PELAKSANAANNYA

- 3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2014 pada 1 Oktober 2014 yang telah disahkan oleh MMKN ke 39/2014 pada 8 Oktober 2014 telah bersetuju agar Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri mengawal dan mengelola aktiviti pemindahan stockpile transit tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh PTD; dan**
- 3.2 Dasar yang telah diluluskan dan perlu dilaksanakan oleh PTD di seluruh Negeri Selangor adalah seperti berikut :-**
- a) Permohonan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Pasir) kepada PTD perlu dibuat melalui KSSB. Hanya permohonan dari KSSB yang boleh dipertimbangkan oleh PTD;**
 - b) Pengenaan Caj Perkhidmatan oleh KSSB bagi menguruskan dan mengawal selia aktiviti pemindahan pasir dari kawasan stockpile;**
 - c) Pengenaan Fi Tahunan dan Deposit Penggunaan Tanah berdasarkan kepada jenis tanah dan kategori kegunaan tanah; dan**

- d) Pengenaan bayaran Royalti melalui Permit Bahan Batuan (Borang 4C, KTN 1965) bagi pengalihan dan pengangkutan pasir dari kawasan stockpile kepada pihak ketiga melalui KSSB.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

4.1 Pengenaan Caj Perkhidmatan Oleh KSSB

- a) KSSB akan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak RM4.50 untuk setiap tan metrik (bersamaan RM7.43 untuk setiap meter padu) pasir kepada pengusaha untuk pasir yang dipindahkan oleh mereka dari tapak stockpile;
- b) Kadar ini adalah termasuk royalti kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM1.82 untuk setiap tan metrik (bersamaan RM3.00 untuk setiap meter padu);
- c) Kadar caj perkhidmatan ini boleh disemak dari semasa ke semasa oleh KSSB bergantung kepada keadaan pasaran dan juga kadar royalti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
- d) KSSB akan menyediakan perkhidmatan permohonan permit, kakitangan-kakitangan dan pengawal keselamatan yang akan berada di tapak stockpile transit untuk memastikan operasi memenuhi syarat kelulusan

permit, mengeluarkan doket pemindahan pasir untuk setiap muatan dengan kuantiti pemindahan sebenar dan membuat laporan berkala kepada PTD berkenaan; dan

- e) KSSB boleh mengenakan syarat-syarat tambahan seperimana yang digunakan dalam menguruskan permit pemindahan pasir seperti kelaziman mereka.

4.2 Pengenaan Fi Tahunan Dan Deposit Penggunaan Tanah

- a) Bagi longgokan pasir di **atas tanah Kerajaan dan tanah rizab yang belum diwartakan**, PTD perlu mengeluarkan LPS mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam Butiran 8, Kaedah 22, Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 seperti Jadual 1 berikut dan mengenakan **deposit** sebanyak sekali ganda kadar bayaran LPS tersebut :-

Kategori	Tanah Bandar/Pekan	Tanah Desa, Tanah Pantai dan Dasar Laut/Sungai
Fi Tahunan	RM500 setiap 1,000 M ²	RM100 setiap 1,000 M ²
Deposit	RM1,000 setiap 1,000 M ²	RM200 setiap 1,000 M ²

Jadual 1 : Kadar Fi Tahunan & Deposit Tanah LPS

- b) Bagi tanah rizab yang telah diwartakan, Pegawai Pengawal yang berkenaan dibenarkan memajak tanah yang dipohon di bawah Seksyen 63 KTN. Tempoh masa pajakan tidak boleh melebihi 5 tahun;
- c) Bagi tanah berimilik pula adalah berdasarkan kepada kategori kegunaan tanah dan syarat-syarat nyata tanah seperti berikut :-

Kategori	Kategori / Syarat Nyata Tanah	
	Pertanian	Bangunan/Industri
Fi Tahunan	RM3.00 setiap M ² keluasan kawasan yang dipohon.	Tiada
Deposit	Tiada	Tiada

Jadual 2 : Kadar Fi Tahunan & Deposit Tanah Berimilik

- d) Bayaran Fi tahunan dan Deposit hendaklah dibuat kepada PTD berkenaan melalui KSSB.

4.3 Pengenaan Bayaran Royalti dan Deposit Royalti

- a) Pengiraan bayaran royalti permulaan adalah berdasarkan Anggaran Kuantiti Pasir (Estimation) yang diisyiharkan oleh pengusaha dan disahkan oleh KSSB;

- b) Kadar royalti adalah RM3.00 untuk setiap meter padu, bersamaan RM1.82 untuk setiap tan metrik, tertakluk kepada pindaan oleh Pentadbir Negeri dari semasa ke semasa;
 - c) **Deposit permit sebanyak RM20,000 dikenakan dan hendaklah dijelaskan kepada PTD yang berkenaan untuk setiap permohonan yang diluluskan. Ianya adalah mandatori; dan**
 - d) **PTD hendaklah mengutip Royalti Tambahan bagi kes-kes pengalihan dan pengangkutan bahan batuan secara berlebihan dari jumlah kuantiti anggaran awalan yang diisytiharkan.**
- 4.4 Sekiranya royalti yang telah dibayar tidak digunakan sepenuhnya di akhir tempoh permit, bakinya hendaklah dipulangkan kepada KSSB oleh PTD berkenaan.**

5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 Tatacara yang perlu digunakan adalah seperti berikut :-

- a) Semua permohonan dari pengusaha hendaklah dibuat melalui KSSB kepada PTD yang berkenaan. Permohonan dari pihak lain tidak boleh dipertimbangkan oleh PTD;
- b) Permohonan oleh KSSB kepada PTD berkenaan hendaklah menggunakan borang permohonan seperti di **Lampiran A** dan setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan pelan yang diperlukan;
- c) KSSB dan/atau PTD akan mendapatkan ulasan teknikal dari jabatan teknikal yang berkenaan. Jabatan teknikal yang berkenaan tidak dibenarkan untuk mengeluarkan ulasan kepada pihak lain kecuali KSSB dan PTD yang berkenaan;
- d) Jabatan teknikal yang terlibat adalah **Jabatan Kerja Raya (JKR)** dan **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** sahaja kerana aktiviti ini tidak melibatkan pengorekan atau pencucian pasir melainkan penapisan secara kering dan ianya berkenaan jalan keluar-masuk sahaja;

- e) Sekiranya terdapat aktiviti pencucian pasir dengan menggunakan air, ulasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah diperlukan;
- f) Jabatan teknikal diberikan masa selama dua (2) minggu untuk memberikan ulasan. Kegagalan mengemukakan ulasan dalam masa yang ditetapkan membolehkan PTD memproses permohonan tanpa mengambilkira ulasan dari jabatan teknikal yang berkenaan, selaras dengan arahan semasa Pihak Berkuasa Negeri; dan
- g) Setelah keputusan dibuat, PTD selanjutnya mengeluarkan permit seperti di **Lampiran B** untuk tempoh tidak lewat dari penghujung tahun kalender.

5.2 KSSB hendaklah membuat permohonan **pembaharuan permit dua (2) bulan sebelum tarikh akhir permit semasa sekiranya kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang diberikan menggunakan borang seperti di **Lampiran C**. Sekiranya diluluskan, PTD akan mengeluarkan borang seperti di **Lampiran D**.**

6. PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUATKUASA

- 6.1 Pekeliling ini terpakai terhadap semua kawasan yang dikenalpasti terdapat longgokan (stockpile) pasir transit di seluruh Negeri Selangor;
- 6.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, **Pekeliling PTGS Bil.1/2012** akan **terbatal** serta merta; dan
- 6.3 Perlaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2014.**

(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S,S.I.S,A.I.S,P.P.T

Pengarah Tanah Galian Selangor.

Bertarikh: **11.11.2014**

LAMPIRAN A

PERMOHONAN UNTUK PENGGUNAAN TANAH UNTUK TUJUAN LAIN (SIMPANAN STOK/LONGGOKAN BAHAN BATUAN)

No pada 20 Negeri

Daerah

Diterima pada haribulan 20 pada pagi./petang.

.....
Pentadbir Tanah

Tarikh:

Tuan/Puan,

Saya/Kami dengan ini memohon daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menggunakan sebahagian daripada tanah yang diperihalkan di bawah untuk tujuan

.....
.....

2. Bersama-sama ini dilampirkan pelan terperinci untuk tujuan tersebut, carian rasmi* dan fi sebanyak RM..... untuk tindakan selanjutnya pihak tuan/puan.

3. Nama Penuh Saya/Kami, No. Kad Pengenalan dan Alamat:

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Alamat :

.....

.....
(Tandatangan Pemohon)

.....
(Tandatangan Pemohon)

PERIHAL MENGENAI TANAH

Bandar/Pekan/Mukim:.....

*Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Berimilik:.....

Butiran Tanah:

Luas: Kawasan yang dipohon :

Kategori/Syarat Tanah:

(*Sila isi/potong mana berkenaan)

LAMPIRAN B

| No. Permit.

.....

Daerah

.....

PERMIT PENGGUNAAN TANAH UNTUK TUJUAN LAIN (SIMPANAN STOK/LONGGOKAN BAHAN BATUAN)

Fi RM :

No. Resit.:

Pemegang Permit :

Alamat:.....

No. Kad Pengenalan/No. Syarikat:

Kamu dengan ini dibenarkan untuk menggunakan sebahagian tanah yang diperlukan di bawah ini bagi tujuan

tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam JADUAL di bawah dan/atau surat kebenaran oleh Pihak Berkuasa Negeri dan/atau kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

Dikeluarkan pada haribulan..... 20

Pentadbir Tanah/Pegawai Berkuasa

PERIHAL MENGENAI TANAH

Bandar/Pekan/Mukim:.....

*Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Berimilikan:.....

Perihal Hakmilik :

Luas: Kawasan yang diluluskan:

(*Sila isi/potong mana berkenaan)

JADUAL

- (1) Permit ini hendaklah bermula pada dan tamat pada
- (2) Kawasan yang diluluskan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada
- (3) Permit ini tidak boleh diserah hak tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (4) Permit ini hendaklah tamat sekiranya berlaku kematian, atau pembubaran perbadanan/syarikat, yang pada masa itu berhak mendapat faedahnya.
- (5) Permit ini boleh dibatalkan serta merta dan tanpa sebarang bayaran pampasan sekiranya terdapat perlanggaran pada apa-apa terma dan syarat melalui notis yang telah disampaikan dengan teratur atau secara Pos Berdaftar.
- (6) Syarat Tambahan:
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(Masukkan apa-apa terma/syarat tambahan di sini)

Saya/Kami dengan ini benar-benar memahami semua terma dan syarat yang terkandung dalam Permit ini dan bersetuju untuk mematuhiinya.

.....
(Tandatangan Pemegang Permit)

.....
(Tandatangan Pemegang Permit)

LAMPIRAN C

PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT UNTUK TUJUAN LAIN (SIMPANAN STOK/LONGGOKAN BAHAN BATUAN)

No pada 20 Negeri
Daerah

Diterima pada haribulan 20 pada..... pagi/petang.

Pentadbir Tanah

Tarikh:

Tuan,

Saya/Kami dengan ini memohon pembaharuan permit untuk menggunakan sebahagian daripada tanah yang diperihalkan di bawah untuk tujuan

.....
.....

2. Bersama-sama ini dilampirkan fi sebanyak RM..... untuk tindakan selanjutnya tuan.

- (i) satu salinan permit sebelumnya/permit diperbaharui sebelumnya; dan/atau
- (ii) pelan terperinci seperti yang dinyatakan (jika tujuan berlainan sebelumnya); dan
- (iii) carian rasmi.

4. Nama Penuh Saya/Kami, No. Kad Pengenalan dan Alamat:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

(Tandatangan Pemohon)

(Tandatangan Pemohon)

PERIHAL MENGENAI TANAH

Bandar/Pekan/Mukim:.....

*Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Berimilik:.....

Butiran Tanah :

Luas:..... Kawasan yang dipohon :

Kategori/Syarat Nyata:

LAMPIRAN D

No. Permit
.....
Daerah
.....

PEMBAHARUAN PERMIT UNTUK TANAH PERTANIAN BAGI TUJUAN LAIN (SIMPANAN STOK/LONGGOKAN BAHAN BATUAN) KALI KE.....

Fi RM :

No. Resit:

Pemegang Permit :

Alamat:

No. Kad Pengenalan/No. Syarikat:

No. Pembaharuan :

Kamu dengan ini dibenarkan untuk menggunakan sebahagian tanah yang diperlukan di bawah ini bagi tujuan

tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam JADUAL di bawah dan/atau dalam surat kebenaran oleh Pihak Berkuasa Negeri dan/atau kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

Dikeluarkan pada haribulan..... 20

.....
Pentadbir Tanah/Pegawai Berkuasa

PERIHAL MENGENAI TANAH

Bandar/Pekan/Mukim:

***Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Berimilik:**

Butiran Tanah:

Luas: **Kawasan yang diluluskan :**

Kategori/Syarat Nyata:

JADUAL

- (1) Permit ini hendaklah bermula pada dan tamat pada
- (2) Kawasan yang diluluskan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada
- (3) Permit ini tidak boleh diserah hak tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (4) Permit ini hendaklah tamat sekiranya berlaku kematian, atau pembubaran perbadanan/syarikat, yang pada masa itu berhak mendapat faedahnya
- (5) Permit ini boleh dibatalkan serta merta dan tanpa sebarang bayaran pampas an sekiranya terdapat perlanggaran pada apa-apa terma dan syarat melalui notis yang telah disampaikan dengan teratur atau secara Pos Berdaftar.
- (6) Syarat Tambahan:
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(Masukkan apa-apa terma/syarat tambahan di sini)

Saya/Kami dengan ini benar-benar memahami semua terma dan syarat yang terkandung dalam Permit ini dan bersetuju untuk mematuhiinya.

.....
(Tandatangan Pemegang Permit)

.....
(Tandatangan Pemegang Permit)